

SEKITAR



EDISI 15 : 1 - 15 SEPTEMBER 2016

BAHASA KEBANGSAAN MEMPAMER JATI DIRI BANGSA DAN NEGARA



Program Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat JPA Tahun 2016

ms3



Program *Health Fest*, PUSPANITA JPA

ms2



Mesyuarat Kerja Mengenai 'The Future Of Malaysian Public Service 2020 And Beyond'

ms2



Seminar Perluasan Inisiatif 1Malaysia *Customer Service Of Civil Servant* (1SERVE)

ms4

PROGRAM *HEALTH FEST*, PUSPANITA JPA

PUTRAJAYA, 1 SEPTEMBER 2016 - Biro Kesihatan PUSPANITA Cawangan Kecil JPA telah menganjurkan Program *Health Fest* di Ruang Legar Aras 7, Blok C1. Program yang berlangsung selama 2 jam tersebut bermula pada jam 10 pagi selepas ketibaan Pengerusi PUSPANITA JPA, YBhg. Puan Sri Asmahan Ismail.

Program yang melibatkan aktiviti-aktiviti berkaitan kesihatan seperti ceramah kesihatan, demo masakan berkhasiat dan jualan produk kesihatan oleh usahawan-usahawan wanita ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran ahli-ahli Puspanita JPA tentang kepentingan menjaga kesihatan tubuh badan walaupun memikul pelbagai tanggungjawab sebagai seorang wanita berkerjaya.

Pemenang Jom Kurus 1Malaysia Wanita Musim Pertama, Puan Azizatil Anum Omar telah sudi berkongsi pengalaman beliau dan tips-tips mendapatkan berat badan ideal melalui 'Ceramah Jom Sihah'. Peserta program juga telah mendapat ilmu membuat pelbagai jenis sandwich melalui aktiviti demo masakan berkhasiat.



SEKITAR MESYUARAT KERJA MENGENAI '*THE FUTURE OF MALAYSIAN PUBLIC SERVICE 2020 AND BEYOND*'



PROGRAM BULAN BAHASA KEBANGSAAN PERINGKAT JPA TAHUN 2016



PUTRAJAYA, 6 SEPTEMBER 2016 - Majlis Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat JPA Tahun 2016 yang dirasmikan oleh Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan, YBhg. Dato' Wan Ahmad Dahlan Bin Hj. Ab. Aziz telah diadakan di Dewan *Mezzanine*, Blok C1. Majlis pada hari tersebut merupakan anjuran bersama Kelab JPA dan PUSPANITA JPA.

Beberapa aktiviti telah diadakan sempena bulan Bahasa Kebangsaan termasuk pertandingan pidato yang diadakan pada 18 Ogos 2016, pesta pantun dan pertandingan nyanyian lagu patriotik.

Pertandingan pantun diadakan sejurus selepas selesai upacara Majlis Pelancaran dan diserikan lagi dengan kehadiran Pengerusi PUSPANITA JPA, YBhg. Puan Sri Asmahan Ismail. Juara bagi pertandingan Pesta Pantun ini menerima hadiah wang tunai berjumlah RM1,200 beserta sijil penghargaan manakala naib juara menerima hadiah wang tunai berjumlah RM700 beserta sijil penghargaan.

Pertandingan nyanyian lagu patriotik pula diadakan sehari kemudian disusuli dengan Majlis Kemuncak

Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat JPA Tahun 2016. Pengerusi PUSPANITA JPA, YBhg. Puan Sri Asmahan Ismail telah sudi untuk menjadi Ketua Juri bagi Pertandingan Lagu Patriotik di samping juri jemputan dari JPA serta KKMM. Seramai 15 orang wakil dari setiap Bahagian telah menyertai pertandingan ini.

YBhg. Puan Sri Asmahan Ismail dalam ucapan beliau sempena Majlis Kemuncak Bulan Bahasa Kebangsaan Peringkat JPA Tahun 2016 telah berpesan agar usaha bagi memartabatkan Bahasa Kebangsaan perlu berterusan dan semangat serta iltizam tinggi semua pihak amat diperlukan bagi memastikan kesinambungan Bahasa Kebangsaan yang betul, menepati tatabahasa dan memastikan kemurniaannya tidak tercemar ekoran perkembangan teknologi pada masa kini.

Tambah beliau lagi, jiwa sesuatu bangsa dapat dilihat menerusi bahasanya dan Bahasa pula hidup apabila penuturnya menggunakannya dengan baik, teratur dan indah dalam semua urusan. Justeru, penggunaan Bahasa Kebangsaan yang baik dan betul perlu dibudayakan oleh setiap rakyat Malaysia kerana ini akan melahirkan rakyat yang bersatu padu, satu jiwa dan satu wawasan.

**'Banyak negara yang telah maju atau yang sedang berkembang maju berjaya menempa kemajuan tanpa meminggirkan Bahasa Kebangsaan masing-masing'
- Puan Sri Asmahan Ismail**

SEMINAR PERLUASAN INISIATIF 1MALAYSIA *CUSTOMER SERVICE OF CIVIL SERVANT* (1SERVE)




PUTRAJAYA, 9 SEPTEMBER 2016 - Seminar Perluasan Inisiatif 1Serve telah diadakan di Dewan Harmoni, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Presint 3 bagi memberi pendedahan mengenai pelaksanaan inisiatif 1Serve di Jabatan dan Agensi yang telah dikenal pasti sebagai agensi perluasan serta menerangkan mengenai Pembangunan Manual Perkhidmatan dan Reka Bentuk Perkhidmatan 1Serve untuk Jabatan dan Agensi terlibat.

Seminar ini diadakan berikutan Inisiatif 1Serve yang sedang diperluaskan ke agensi-agensi Sektor Awam

seluruh Malaysia seperti mana mandat daripada YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara yang telah mengumumkan bahawa inisiatif 1Serve yang sebelum ini dilaksanakan secara rintis akan diperluaskan ke seluruh Negara pada tahun 2016.

Peserta terlibat di dalam seminar ini termasuk mereka yang bertanggungjawab berhubung 1Serve dari pelbagai Kementerian dan Jabatan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Imigresen, dan Jabatan Pendaftaran Negara.



IKUTI KAMI   www.jpa.gov.my  [Jabatan Perkhidmatan Awam](#)  [@jpa2day](#)  [Jabatan Perkhidmatan Awam](#)  [@jpa2day](#)

Blok C1, C2 & C3, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62510 W.P. Putrajaya, Malaysia. | Telefon : +603 8000 8000
Sumbangan Berita : Warga JPA | Penerbitan : Komunikasi Korporat | Percetakan : Unit Dokumentasi JPA

PENERAJU TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM